

Perkongsian bersama berhasil: PM

BH 13 OCT 2000
Daripada Azhar Abu Samah

SARAJAEVO, Khamis – Dasar perkongsian bersama dalam bidang ekonomi dan politik serta toleransi agama yang diamalakan semua kaum, menjadi penyumbang utama kepada keamanan, harmoni dan kestabilan politik Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia belajar daripada pengalaman buruk peristiwa rusuhan kaum pada 1969, yang menyebabkan ramai terbunuh dan harta benda rosak.

Selepas kejadian itu, kata Perdana Menteri, banyak pihak termasuk majalah *Times* meramalkan keamanan tidak akan dapat dicapai semula di Malaysia.

“Orang Melayu dikatakan akan memegang kuasa secara bersendirian, tanpa orang Cina dan India. Tetapi sebaliknya, orang Melayu beragama Islam ini membuat keputusan untuk berunding bagi memperbaiki masalah ini bersama,” katanya.

Beliau menjelaskan demikian ketika memberi syarahan mengenai pengalaman Malaysia mentadbirkan negara di Universiti Sarajevo, di sini semalam. Kira-kira 100 kakitangan akademik, pelajar dan pegawai kerajaan Bosnia-Herzegovina hadir.

Dr Mahathir, yang dalam lawatan singkat ke sini sebelum berlepas pulang ke tanah air berkata, semua kaum bersetuju insiden 1969 berpunca daripada jurang ekonomi yang tinggi di antara kaum dan masing-masing berasakan kekayaan negara perlu diagih secara adil.

“Kami percaya lebih baik memiliki beberapa peratusan dalam kekayaan negara daripada menguasai kekayaan 100 peratus yang tidak boleh berkembang. Lebih baik mempunyai 30 peratus kekayaan negara daripada menguasai 100 peratus yang tidak boleh

“

Kesediaan untuk berkongsi kekayaan dan kuasa politik menyebabkan kerajaan boleh menumpukan usaha membangunkan negara

”

– Datuk Seri Dr Mahathir

dibuat apa-apa,” katanya.

Dalam politik pula, semua kaum bersetuju supaya kuasa politik dikongsi bersama untuk mentadbirkan negara melalui parti politik yang dikuasai etnik tertentu.

Ketika ini, ada 14 parti politik bergabung dalam Barisan Nasional (BN) dengan 24 menteri yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India dan Iban, yang mentadbirkan negara.

“Kesediaan untuk berkongsi kekayaan dan kuasa politik menyebabkan kerajaan boleh menumpukan usaha membangunkan negara,” katanya sambil menambah, Malaysia membuka pintu untuk pelbagai pelaburan asing dengan menawarkan pelbagai insentif pelaburan dan kerajaan yang mesra pelabur.

Dr Mahathir berkata, ia dibuat untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat dan bukannya untuk kerajaan membuat kekayaan.

Malaysia kini muncul sebagai negara yang memiliki industri berteknologi tinggi, menjadi negara pengeksport ke-17 terbesar di dunia dan peluang pekerjaan melebihi jumlah rakyatnya.

Beliau berkata, Malaysia mengalami masalah ekonomi pada 1997 apabila ringgit diserang oleh spekulator kewangan antarabangsa dan kini masalah itu sudah diatasi.

“Dengan ekonomi Malaysia berkembang semula dengan kadar pertumbuhan tinggi, kita yakin menjadi negara maju sepenuhnya pada tahun 2020. Tahun lalu, ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus dan tahun ini diunjurkan melebihi 5.8 peratus,” katanya.

Malaysia, katanya, menyatukan rakyat daripada tiga kaum utama - Melayu, India dan Cina - bukan secara paksaan melalui proses asimilasi, sebaliknya ia dilakukan secara perlahan-lahan.

Ketika sesi soal-jawab, Perdana Menteri melahirkan keyakinan hubungan dua hala Malaysia dan Bosnia-Herzegovina semakin kukuh, selepas Kuala Lumpur keluar daripada kemelut ekonomi pada 1997, 1998 dan 1999.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai cara kerajaan mengawal ringgit dan menjelaskan kerajaan akan terus mengawal kadar ringgit di masa depan.

Sementara itu, Perdana Menteri dan rombongan turut dibawa melawat Masjid Ghazi Khusraw-Bey di kawasan Sarajevo lama, antara masjid yang berusia 500 tahun.

Beliau turut menyerahkan sumbangan derma Barisan Bertindak Bosnia berjumlah AS\$67,700 kepada imam masjid itu, Jsmet Spahic bagi tujuan pembinaan semula masjid itu yang rosak ketika peperangan.